

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
FAKULTI PENDIDIKAN**

**KURSUS :
PERADABAN ISLAM
DAN
TAMADUN DUNIA
[GGGC 6473]**

**SEMINAR :
TAMADUN ISLAM DAN
PERADABAN MANUSIA**

**PENSYARAH :
YBHG. DR. HJ. MAIMUN AQSHA LUBIS**

**PELAJAR :
ABD. SHUKOR MOHD. ALI (P38997)
MUHAMMAD YUSUF (P40608)**

**PROGRAM SARJANA PENDIDIKAN
PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN ISLAM
SESI JULAI - NOVEMBER 2007**

Kandungan

1. Pengenalan Tamadun Islam :
 - i. Takrif
 - ii. Sumber
 - iii. Ciri-ciri
 - iv. Asas-asas
 - v. Dasar-dasar

2. Tamadun Islam di zaman Rasulullah saw dan Khulafa' al-Rasyidin

3. Tamadun Islam di zaman Umayyah dan Abasiyah

4. Andalus Sebagai Anugerah Tamadun Islam Kepada Kebangkitan Tamadun Eropah dan Dunia

5. Sumbangan Tamadun Islam kepada peradaban manusia

6. Peradaban Manusia

7. Kesimpulan

1. PENGENALAN TAMADUN ISLAM

i. Takrif Tamadun Islam

Perkataan tamadun berasal dari perkataan Arab iaitu *maddana* yang bererti kehalusan budi bahasa dan kesopanan tingkahlaku. Ia juga membawa maksud membuka bandar. Dari perkataan *maddana* terbit pula perkataan *madinah* yang bermaksud bandar dan juga madani iaitu orang yang berkelakuan seperti orang bandar yang bersifat halus dalam berbudi bahasa dan beradab sopan dalam tingkah laku.

Teuku Iskandar dalam *Kamus Dewan* mencatatkan pengertian tamadun sebagai kebudayaan, peradaban, kemajuan sopan santun dan sebagainya.

Abu Bakar Hamzah dalam bukunya *Sejarah dan dan Kebudayaan Islam* menjelaskan, perkataan tamadun berasal dari perkataan Arab yang telah diterima sebagai sebahagian dari perbendaharaan kata bahasa Malaysia. Tamadun itu sendiri lahir serentak, seiring dan sejalan dengan perkembangan kehidupan manusia dari masa ke semasa dalam bentuk pemikiran dan kebendaan.

Mahmood Mohd Taib al-Najmi dalam bukunya *Sejarah Tamadun Islam* mendefinasikan tamadun sebagai peraturan masyarakat yang dapat membantu manusia menambahkan hasil pengeluarannya samada dari segi pemikiran atau kebendaan.

Jurji Zaidan pula menyatakan, maksud tamadun ialah tahap perkembangan yang tinggi bercirikan bentuk negara dengan pentadbiran

yang tersusun rapi, kehidupan bandar, sains, teknologi, pendidikan yang mencapai perkembangan, arkitektur yang membina monumen dan bangunan besar dan aktiviti kesenian yang berkesan. Dalam tamadun Islam kesemua ciri ini berasaskan agama.

Ibnu Khaldun dalam kitabnya *al-Muqaddimah* menggunakan istilah *umran* dalam abad 14 yang menyamai dan menepati maksud perkataan tamadun. Selain itu, Ibnu Khaldun juga pernah menggunakan perkataan *hadharah* pada abad ke 20, yang sama makna dengan *umran* yang bermaksud sekumpulan manusia yang tinggal kekal di sesuatu tempat atau kota atau wilayah dan tanah pertanian.

Sementara itu istilah *Madaniyyah* pula telah diperkenalkan oleh Mohamad Farid Wajdi, yang membawa maksud berkenaan dengan bandar atau kehidupan bandar.

Perkataan *peradaban* dianggap sinonim dengan tamadun. Beradab bererti sopan, terhormat, hidup dalam hukum, tingkat kebudayaan yang tinggi berbanding dengan orang-orang yang liar.

Daripada huraian yang tersebut di atas dapatlah disimpulkan bahawa tiga istilah pernah digunakan untuk menghuraikan tamadun iaitu kebudayaan, peradaban dan tamadun. Walaupun kata-kata itu berbeza dari segi sebutannya tetapi membawa satu maksud iaitu pencapaian manusia di dalam segala aspek kehidupan samada dari aspek pemikiran, kerohanian, kebendaan, sopan santun bagi pembentukan peribadi, akhlak, tingkah laku serta budi bahasa yang mulia bagi individu dan juga sesuatu kelompok manusia yang membentuk sesebuah masyarakat atau negara bangsa.

Tamadun Islam dalam pengertian yang paling ringkas ialah pencapaian manusia dalam bidang kerohanian dan kebendaan yang berpusat di kota dalam bentuk skrip, senibina, ilmu pengetahuan, sains, teknologi, kepercayaan, undang-undang, politik dan sebagainya yang berasaskan kepada akidah, syarak, akhlak serta bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.

Ringkasnya masyarakat yang bertamadun menurut Islam mempunyai ciri-ciri berikut iaitu :

** Masyarakat yg beriman kepada Allah swt serta melaksanakan *ubudiyah* kepada Allah swt. Pengutusan para nabi dan rasul kepada masyarakat adalah bertujuan untuk membawa manusia beriman kepada Allah swt, menyempurnakan akhlak yang mulia serta menggantikan yang batil dengan yang hak.

** Masyarakat yg mempunyai nilai keperibadian yang tinggi, penuh dengan sifat mahmudah dan terhindar dari sifat mazmumah.

** Ia merupakan manifestasi kecemerlangan pencapaian hidup masyarakat dalam pelbagai bidang spiritual dan material.

ii. Sumber Tamadun Islam

a. Al-Quran

Al-Quran ialah sumber utama ilmu pengetahuan kepada umat Islam. Oleh itu tidak hairanlah al-Quran sebagai sumber utama dalam

melahirkan tamadun umat Islam khususnya dan semua manusia amnya. Tanpa al-Quran tamadun Islam tidak mungkin lahir di dunia ini. Seluruh isi kandungan al-Quran mencakupi segala aspek kehidupan manusia, dunia dan akhirat. Seperti dinyatakan Allah swt surah al-An'am 6:38

b. Al-Sunnah.

Segala tindak tanduk Rasulullah saw semasa baginda masih hidup adalah sumber asli yang membeina tamudun umatnya. As-Sunnah bertanggungjawab menghurai, mentafsir, memperjelas dan merealisasikan semua ajaran al-Quran. Ajaran al-Quran lebih bersifat umum, maka al-Sunnahlah yang memperincikannya. Rasulullah saw menjadi contoh dan teladan dalam semua bidang kehidupan umatnya termasuklah dalam bidang ibadat, pemerintahan, pentadbiran, pendidikan, ekonomi, kebudayaan, ilmu pengetahuan dan sebagainya.

c. Al-Ijtihad

Ijtihad ialah pandangan dan pemikiran para ulama' di dalam sesuatu perkara yang berkaitan dengan umat Islam. Ijtihad terbahagi kepada dua kategori iaitu yang disepakati oleh para ulama' dan yang tidak disepakati. Contoh ijtihad yang disepakati ialah ijma' ulama' dan qias dan contoh ijtihad yang tidak disepakati ialah istishab, istihsan, masoleh-mursalah, uruf dan sebagainya yang bertujuan memberi panduan dan keluasan ruang lingkup dalam menyelesaikan masalah manusia.

c. Tamadun-tamadun lain

Islam tidak menolak tamadun terdahulu, kini, mahupun akan datang walau dari mana, tanpa mengira batas bangsa atau agama. Asalkan ianya tidak bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam.

iii. Ciri-ciri Tamadun Islam

a. Rabbani

Nilai ketuhanan dan keagamaan dalam sistem tamadun Islam adalah nilai tertinggi sekali. Matlamat kehidupan manusia telah ditetapkan oleh Allah swt iaitu mengabdikan diri hanya kepadaNya semata-mata di samping melaksanakan tugas-tugas kekhalfahan. Al Quran menjadi sumber asasinya.

b. Keseimbangan dan kesederhanaan

Iaitu keseimbangan dalam segala aspek kehidupan, rohani dan jasmani, masyarakat dan individu, dunia dan akhirat. Kesederhanaan pula perlu ada dalam melaksanakan segala perintah Allah swt tetapi tidak pula dengan maksud mempermudah segala urusan.

d. Universal

Tidak terikat dengan bangsa, tempat atau tempoh tertentu, bahkan ia milik seluruh manusia. Tamadun Islam menepati keperluan segala situasi dan peredaran zaman.

e. Ideal dan realistik

Ideal bermaksud meletakkan manusia pada tingkat yg paling tinggi dgn mengawasi setiap gerak geri manusia. Realistik pula bermaksud mengambil kira hakikat yg berlaku, iaitu di dunia yang nyata.

f. Tetap dan anjal

Ciri tamadun Islam yang seterusnya ialah tetap dan tidak berubah pada matlamat dan sasaran tetapi anjal pada cara dan pelaksanaannya. Kebebasan diberikan kepada umat untuk merealisasikan tamadun bagi mencapai matlamat yang dikehendaki tetapi mengikut acuan yang telah ditentukan oleh Allah swt.

g. Menyeluruh pada setiap aspek kehidupan

Merangkumi bidang akidah, syariah, akhlak, hubungan dengan Allah swt, dengan sesama manusia dan alam. Satu seruan keadilan untuk semua samada Islam mahupun bukan Islam, musuh atau kawan, termasuk hubungan antarabangsa, ilmu dan ibadah.

Menurut Dr M.A.J Beg dalam bukunya *The Image of Islasmic Civilization*, ciri-ciri tamadun Islam adalah seperti berikut :

1. Seni bina

Merupakan ciri terpenting mengikut pendapat ramai sarjana sarjana tamadun Islam termasuklah Ibn Khaldun.

2. Kesenian

Termasuklah seni khat, awan larat peralatan dari tembikar, barang-barang kemas, kaca, tenunan, wang syiling, lencana dan sebagainya.

3. Kotaraya

Tamadun Islam bermula di Kota Mekah dan Kota Madinah dan berkembang pada zaman keemasannya dengan berpusat di Bandar-bandar besar.

4. Sains.

Ilmu sains merupakan pencapaian terbanyak umat Islam hingga membawa kepada pencapaian ilmu sains moden pada tamadun hari ini.

4. Asas-asas Tamadun Islam

a. Pengabdian diri kepada Allah swt

Masyarakat Islam adalah masyarakat yang hanya menghabdikan diri kepada Allah swt, jauh sekali dari pemujaan dan pendewaan kepada makhluk.

b. Berorganisasi atas asas aqidah

Masyarakat Islam berkumpul dan berpisah atas dasar kemerdekaan dan kebebasan tanpa mengira rupa, bangsa, warna kulit, bahasa, budaya dan sebagainya. Islam mampu mengumpul manusia berasaskan akidah tauhid .

c. Keagungan dan keseluruhan nilai kemanusiaan berbanding nilai kebendaan.

Nilai kemanusiaan akan menjadikan umat manusia sebagai umat yang bertamadun kerana nilai kemanusiaan adalah nilai tertinggi dalam masyarakat.

d. Berfungsinya nilai kemanusiaan bukan kebinatangan

Manusia dinilai dari akhlaknya. Manusia akan tinggi tarafnya, mulia hidupnya jika melaksanakan nilai-nilai kemanusiaan dan bukan nilai kebinatangan. Akal dibekalkan oleh Allah swt untuk manusia berfikir dan menilai.

e. Kesucian keluarga

Generasi akan datang merupakan penerus ketamadunan. Kesucian asal usulnya amat dipentingkan dalam Islam. Bangsa akan rosak apabila sistem kekeluargaan musnah. Menurut Sayid Qutb (1979) mengatakan bahawa apabila sistem dalam institusi keluarga menjadi kaedah utama

dalam pembentukan masyarakat, maka institusi itu harus dibina saling kerjasama antara suami isteri.

- f. Pelaksanaan tugas khalifah mengikut kehendak Allah swt

Ubudiyah kepada Allah swt merupakan tugas utama manusia. Ia mampu membebaskan manusia dari belenggu *ubudiyah* kepada sesama makhluk.

- g. Mematuhi syariat dalam tugas sebagai khalifah

Allah swt telah menetapkan peraturan yang terbaik bagi manusia untuk hidup di muka bumi ini. Segala peraturan dan syariat itu bertujuan membawa kesejahteraan kepada manusia dan alam. Syariat Allah swt amat sesuai untuk semua umat manusia.

5. Dasar-dasar Tamadun Islam

- a. Memelihara nyawa dan hak-hak untuk hidup.

Tiada yang lebih berharga di dunia ini pada diri setiap manusia selain dari nyawa. Justeru itu tamadun Islam meletakkan pemeliharaan nyawa sebagai dasar yang paling utama. Allah swt telah menggubal perundangan yang paling terperinci dalam jaminan keselamatan terhadap nyawa. Contohnya dalam surah al-Maidah ayat 32 firman Allah swt bermaksud :

Bahawa sesiapa yang membunuh seseorang manusia bukan kerana hukuman pembunuhan atau kerana membuat bencana dalam negeri, maka bererti orang itu telah membunuh manusia seluruhnya.

b. Memelihara akal fikiran

Akal adalah anugerah Allah swt yang sangat berharga. Dengan akal manusia menjadi makhluk Allah swt yang paling mulia dan sempurna. Dengan akal jugalah manusia menjadi khalifah di muka bumi ini. Oleh itu Allah swt mewajibkan setiap manusia menjaga akal fikirannya dengan baik. Contohnya dengan menuntut ilmu dan mengharamkan manusia merosakkan akal fikirannya, seperti minum minuman yang memabukkan.

Firman Allah swt bermaksud :

Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, berhala dan bertilik nasib adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu memperoleh keuntungannya.

c. Memelihara keturunan (maruah).

Tamadun Islam memelihara kesucian keturunan manusia. Kerana hasil yang baik hanya akan terbina dari benih yang baik. Oleh itu Allah swt telah mengharamkan semua perbuatan yang merosakkan keturunan manusia seperti zina, homoseksual dan lesbian.

Firman Allah swt yang bermaksud :

Dan janganlah kamu hampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan hina serta seburuk-buruk jalan yang buruk.

d. Memelihara harta benda.

Kekayaan dan kemewahan adalah idaman setiap manusia. Islam mengiktiraf keinginan tersebut. Oleh itu tamadun Islam meletakkan pemeliharaan harta benda sebagai dasar penting di dalamnya. Dalam konsep ini al-Quran menjelaskan, lelaki dan perempuan yang mencuri wajib dipotong kedua-dua tangannya sebagai pembalasan kesalahannya dan sebagai seksaan dari Allah swt.

Abdullah bin Umar berkata : Saya telah mendengar Rasulullah saw bersabda : Sesiapa yang terbunuh kerana mempertahankan hartanya, maka ia mati syahid.

(Riwayat Bukhari)

e. Memelihara hak dan kebebasan

Islam telah menetapkan kebebasan bagi setiap manusia sejak ia dilahirkan. Maksud kebebasan manusia ialah tiada pengabdian kepada sesaorang atau sesuatu melainkan hanya kepada Allah swt. Oleh itu setiap orang mestilah diberikan kebebasan dari segala unsur kezaliman yang merupakan kongkongan kebendaan dan nafsu yang jahat. Setiap manusia perlu diberi kebebasan untuk berfikir, kebebasan memberi pandangan, kebebasan bergerak, bersuara dan lain-lain.

2. TAMADUN ISLAM DI ZAMAN RASULULLAH SAW DAN KHULAFAT AR-RASYIDIN

Bermulanya tamadun dalam Islam dikira dari sejak turunnya wahyu pertama kepada Nabi Muhammad saw iatu surah al-Alaq ayat 1-5.

Nabi Muhammad saw kemudiannya menyebarkan ajaran Islam kepada seluruh umat manusia dengan menekankan tiga prinsip utama Islam iaitu :

- Prinsip akidah.
- Prinsip Syariah dan
- Prinsip akhlak kepada umat manusia

Rasulullah saw telah berjaya mengeluarkan manusia dari kegelapan dan kesempitan jahiliyah kepada cahaya gemerlapan keimanan. Malah Rasulullah saw juga telah berjaya membina kekuatan kader-kader yang akan memperjuangkan agama Islam dengan membina generasi al-Quran yang pertama.

Setelah Rasulullah saw berhijrah ke Madinah, Baginda telah mendirikan sebuah negara Islam yang makmur dilengkapi dengan perlembagaan yang tersusun atur dengan baik iaitu Perlembagaan Madinah.

Rasulullah saw telah membina masjid sebagai permulaan pertama kepada senibina Islam. Selain sebagai pusat perpaduan melalui solat berjamaah, masjid juga berfungsi sebagai pusat perkembangan tamadun, pusat pemerintahan, pentadbiran, mahkamah, kerja-kerja perhubungan awam seperti menulis surat-surat serta memilih pendakwah-pendakwah untuk dihantar kepada raja-raja dan kabilah-kabilah Arab di seluruh semenanjung Tanah Arab.

Masjid juga berfungsi sebagai tempat menyambut ketibaan wakil-wakil kerajaan asing malah setiausaha-setiausaha Baginda juga melaksanakan titah perintah Baginda di masjid. Pendekata disepanjang hayatnya, masjid berfungsi sebagai pusat sekretariat Rasulullah saw.

Sepanjang hayatnya Rasulullah saw telah memerangi kebatilan sebanyak 28 peperangan dan akhirnya berjaya membuka Kota Mekah.

Dari sudut politik, Rasulullah telah membahagikan wilayah-wilayah negara Islam dengan menjadikan Madinah sebagai ibunegara. Wali-wali dilantik untuk mengetuai wilayah-wilayah Islam. Amil-amil juga dilantik untuk membantu wali atau gabenor mengutip zakat. Selain itu, beberapa kejayaan Rasulullah saw adalah seperti berikut :

1. Menyatupadukan penduduk Madinah yang terdiri dari berbagai kaum dan bangsa termasuk Yahudi
2. Berjaya membina negara Islam pertama di dunia yang terletak di Madinah.
3. Termaktubnyanya perlembagaan bertulis pertama di dunia
4. Penduduk yang berbilang bangsa dan agama di dalam satu negara.
5. Menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara luar
6. Menekankan konsep ekonomi, politik, pendidikan dan ilmu pengetahuan serta sosial dalam masyarakat Madinah.
7. Mewujudkan kesatuan ummah

Zaman Khulafa' ar-Rasyidin bermula dengan perlantikan Abu Bakar al-Siddiq (632-634 M) sebagai khalifah Islam yang pertama. Dizamannya, Amirul Mukminin Abu Bakar telah meneruskan sistem pemerintahan yang diwarisi dari Rasulullah saw.

Walaupun secara rasminya kementerian-kementerian tidak wujud di zaman Khulafa' ar-Rasyidin, tetapi tugas-tugas yang dijalankan oleh sesebuah kementerian telah wujud. Para menteri bertugas, walaupun tidak secara rasmi seperti hari ini, membantu khalifah dalam urusan-urusan masyarakat dan kenegaraan. Contohnya khalifah Abu Bakar telah melantik Umar bin al-Khattab untuk menguruskan hal-hal kehakiman dan kewangan, Uthman bin Affan membantu dalam hal-hal kebajikan dan Ali bin Abi Talib dilantik menguruskan hal-hal kesetiausahaan.

Khalifah Abu Bakar telah bertindak menggerakkan tentera Usamah bagi tujuan memerangi golongan riddah yang tidak setia dengan agama. Semasa pemerintahannya juga beliau lebih mengutamakan sistem pendidikan berteraskan al-Quran dan al-Sunnah.

Dizaman pemerintahan khalifah Umar bin al-Khattab (634-644M) pula, beliau telah melakukan banyak pembaharuan dari sudut pengurusan. Beliau juga menguatkuasakan undang-undang tanah, pengumpulan dan penyusunan al-Quran. Beberapa kejayaan khalifah Umar bin al-Khattab disepanjang pemerintahannya ialah :

1. Menyebarkan agama Islam ke Syam, Mesir dan Parsi
2. Pentadbiran diluaskan bidangnya meliputi segala bidang dan kepentingan umum
3. Membahagikan kawasan pemerintahan Islam kepada 8 bahagian iaitu Mekah, Madinah, Syria, Al Jazirah, Basrah, Kufah, Mesir dan Palestin.
4. Memperkenalkan majlis Syura
5. Menubuhkan jabatan cukai, pos, tentera dan lain-lain.
6. Membina kemudahan awam seperti jalanraya, taliair, empangan, jambatan dan rumah persinggahan.

7. Menyusun tahun hijrah, mengadakan matawang sendiri, dan membina pengkalan tentera.

Dizaman khalifah Uthman bin Affan (644-656M), beliau telah menyebarkan lagi keluasan negara Islam, memperbaiki dasar kewangan negara, mengeluarkan takwim Islam serta membukukan mashaf al-Quran yang dikenali sebagai Mushaf Uthmani kepada 6 salinan.

Sementara dizaman khalifah Ali bin Abi Talib (656-661M) pula, beliau telah memperluaskan lagi empayar Islam, meneruskan perluasan ajaran Islam ke negara-negara luar dan meningkatkan kebajikan sosial dengan membina rumah tumpangan kepada pengembara.

3. TAMADUN ISLAM DIZAMAN UMAIYYAH (661-743M) DAN DIZAMAN ABBASIYYAH (750-1258M)

Semasa pemerintahan kerajaan Bani Umaiyah perluasan wilayah Islam telah berlanjutan hingga ke Asia Tengah. Pada masa tersebut pusat pemerintahan kerajaan telah berpindah ke Damsyik. Bahasa rasmi pentadbiran juga berubah dari Yunani dan Pahlawi kepada Bahasa Arab.

Dizaman kerajaan Bani Umaiyah ini, perkembangan ilmu pengetahuan berlaku terlalu pesat yang meliputi ilmu agama, sains dan teknologi. Banyak aktiviti terjemahan yang telah dilakukan dari tamadun sebelumnya ke dalam bahasa Arab.

Semasa pemerintahan kerajaan Bani Abbasiah pula, pusat pemerintahan kerajaan telah bertukar ke Kota Baghdad. Pentadbiran negara di susun semula kepada jabatan-jabatan berasingan seperti Jabatan Baitul mal, Jabatan Belanjawan Negara, Jabatan Pentadbiran Tentera dan lain-lain. Hubungan dengan pihak luar dan sistem pentadbiran yang lebih kemas dan tersusun dilaksanakan. Kemajuan yang tinggi telah dicapai dalam ilmu pengetahuan terutama dalam bidang sains dan teknologi.

5. ANDALUS SEBAGAI ANUGERAH TAMADUN ISLAM KEPADA KEBANGKITAN TAMADUN EROPAH DAN DUNIA

Para *Amir* dan khalifah Islam memainkan peranan yang penting dalam membangunkan masjid dan mengalakkan sarjana-sarjana datang ke Andalus. Mereka juga mendirikan institusi pengajian tinggi untuk rakyat. Contohnya Khalifah al Hakam II mendirikan 3 buah sekolah berhampiran masjid Cordova.

Pada zaman Hijab al Mansur (981-1002M), terdapat 3877 buah masjid dan sekolah serta 70 buah perpustakaan di Cordova. Hampir semua masyarakat Andalus boleh membaca dan menulis. Kota Cordova yang dihuni oleh lebih sejuta penduduk digambarkan sebagai “mutiara dunia”.

Universiti pertama di Andalus diasaskan oleh Khalifah al Hakam II, bertempat di Masjid Jamek Cordova dan dikenali sebagai Universiti Cordova. kos penyelenggaraannya turut ditanggung oleh orang ramai.

Ramai sarjana dijemput berkhidmat dengan ditawarkan gaji yang lumayan. Antaranya Abu bakar bin Muawiyah al Qurayshi, seorang sarjana hadis, Abu Ali al Qali profesor bahasa, syair, falsafah dan sejarah Arab.

Pada satu-satu ketika, Universiti Cordova mempunyai ribuan orang pelajar yang terdiri dari pelbagai bangsa dan agama dari Timur dan Barat. Di samping itu, terdapat juga 18 buah akademi lain, 20 buah perpustakaan awam yang setiap satu mempunyai puluhan ribu buah buku. Kota Cordova yang menjadi ibukota pemerintahan Andalus, muncul sebagai pusat pengajian dan kebudayaan terulung Islam di Eropah bagi orang Islam, Kristian dan Yahudi. Bidang ilmu yang berkembang di kota tersebut meliputi semua bidang keilmuan seperti astronomi, agama, sains, perubatan, botani, metamatik dan lain-lain.

Di antara faktor-faktor yang membawa kepada pengaliran keluar ilmu-ilmu Islam ke Eropah ialah :

a. Peranan Orang Mozareb

Mozareb adalah panggilan kepada masyarakat Kristian yang tertarik dan mengamalkan beberapa kebudayaan Islam tetapi tidak memeluk agama Islam. Mereka mempelajari bahasa Arab, Latin dan Rumawi. Dengan mempelajari bahasa Arab, mereka berpeluang membaca karya Islam, mendirikan perpustakaan dan menterjemahkannya ke bahasa Latin.

b. Hubungan Diplomatik

Di antara negara Eropah yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Andalus ialah England, Perancis, Jerman dan Holand.

c. Aktiviti Penterjemahan

Aktiviti ini banyak dilakukan oleh pelajar-pelajar dari seluruh pelusuk dunia. Penterjemahan berpusat di kota-kota ilmu Islam seperti Toledo, Cordova, Granada dan Seville. Di antara penterjemah yang masyhur ketika itu ialah Micheal Scott, Danial Morlet, Ibrahim Daud al Israili, Adelard of Bath dan lain-lain. Bidang-bidang yang diterjemah meliputi bidang astronomi, perubatan, kimia, falsafah dan sebagainya.

d. Pembukaan Pulau Sicily

Sicily di bawah kekuasaan Islam selama 800 tahun (902 - 1091M). Kedudukannya sangat strategik di tengah perjalanan antara Eropah dan Afrika . Pada abad 10 – 11M, Qairawan muncul sebagai pusat keilmuan penting di Afrika Utara yang membolehkan penduduk Sicily menimba ilmu dari bandar tersebut dan mendapatkan guru-guru terlatih dalam pelbagai bidang ilmu.

e. Pembukaan Andalus

Pembukaan Andalus oleh Tariq bin Ziyad, Tarif bin Malik dan Musa bin Nusayr pada tahun 711M telah menyebabkan Andalus berkembang pesat dengan tamadun keilmuan Islam dan telah menjadi pusat tumpuan pelajar-pelajar Kristian Barat yang akhirnya membawa pulang ilmu-ilmu tersebut ke negara mereka.

6. Kesimpulan

Sarjana Kristian Eropah yang jadi pelopor pengembangan ilmu di Eropah kebanyakannya pernah berguru dengan sarjana Islam, khususnya di Andalus. Malah mereka menterjemah dan menceduk ilmu-ilmu Islam untuk dinamakan sebagai ilmu dan tamadun mereka sendiri. Namun yang mengecewakan, sarjana-sarjana Kristian Eropah tidak pernah menonjolkan sumbangan sarjana-sarjana Islam dalam penulisan mereka. Situasi ini menggambarkan seolah olah adanya sikap anti Islam pada mereka. Malah mereka menganggap sarjana Islam hanya sebagai penterjemah karya-karya Yunani.

Jika dilihat dari banyak sudut, sumbangan sarjana Islam samasekali tidak dapat dinafikan. Contohnya sarjana Islam banyak memperbetulkan teori salah karya Yunani dengan menjalankan ujikaji. Di antara teori salah Yunani ialah Aristotle menganggap haiwan boleh wujud dengan sendirinya dari daging busuk dan ikan boleh wujud dari lumpur sungai Nil.

Walau berapa banyak penemuan penemuan baru oleh sarjana Islam dalam bidang ilmu pengetahuan, namun masyarakat Barat tetap enggan menerima penemuan-penemuan Islam tersebut. Roger Bacon yang dianggap sebagai “Bapa Sains Moden” di Barat, adalah merupakan penuntut di universiti yang dikendalikan oleh saintis muslim. Copernicus yang dianggap sebagai ahli astronomi, sebenarnya menciplak teori saintis muslim dan mengumumkannya di Barat sebagai teorinya sendiri.

Karya sarjana Islam digunakan di Eropah hingga abad 16 dan 17M.

Contohnya kitab Qanun fi al-Tibb oleh Ibnu Sina, Kitab al-Mawazin oleh Jabir Ibn Aflah, Kitab al-Manazir oleh Ibn Haitam, karya-karya Jabir Ibn Hayyan, al-Biruni, Umar Khayyam, Ibn Rushd dan lain-lain.

Sarjana Muslim telah memberikan sumbangan besar dalam tamadun manusia. Contohnya dalam bidang sains, Jabir Ibn Hayyan telah menghasilkan kaedah sejatan, persulingan, pemejalwapan dan penghabluran. Malah beliau adalah sarjana pertama yang mencipta asid galian, kimia untuk melebur emas, cara membuat besi waja, kimia penahan karat, pigmen mewarna kulit dan pakaian dan lain-lain.

Dalam bidang Astronomi dan geografi, Ibrahim al-Fazari telah membina astrolab, al-Khawarizmi telah mencipta jadual astronomi yang pertama sekali mengandungi tangen. Al-Biruni telah mengajar cara mengetahui latitud dan longitud. Al-Farghani telah berhasil mengira ukur lilit bumi iaitu 24, 843 batu.

Kejatuhan Khilafah Islamiyah Turki 1924M, merupakan bencana besar bagi umat Islam dan memberi peluang Kristian Eropah menjajah bumi Islam. Wilayah-wilayah Islam telah jatuh ke tangan Inggeris dan Perancis. Taktik 'pecah dan perintah' Inggeris telah menjadikan wilayah negara Islam dipisahkan kepada negara-negara kecil. Ini menjadikan umat Islam berpecah belah dan lemah dari segi fizikal dan spiritual.

Negara-negara Islam terbahagi dua, negara kaya dan negara miskin. Lebihan harta negara kaya mengalir ke Eropah dan negara miskin pula mengemis meminta pinjaman negara Barat. Umat Islam menjadi hamba di buminya sendiri ibarat ayam kelaparan di kepok padi, itik kehausan di air.

BIBLIOGRAFI

- Abu Bakar Hamzah 1972, *Sejarah Kebudayaan Islam*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press.
- Hassan Langgulung 1986, *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka.
- M.A.J Beg 1980, *The Image of Islamic Civilization*, Kuala Lumpur : The Universiti of Malaya Press
- Muhammad Uthman El-Muhammady 1976, *Peradaban Islam*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press,
- Sayid Qutb 1978, *Masyarakat Islam (terjemahan)*, Bandung : Yayasan al-Taufiq PT alma'arif
- Azhar Hj Mad Aros 2004, *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Kertas 1 dan Kertas 2*, Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.
- Mustafa Hj Daud 1991, *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Mustafa Hj. Daud 1985, *Pengantar Tamadun Islam*, Selangor : Media Indah Sdn Bhd.
- Mustafa Hj Daud 2001, *Tamadun Dunia STPM*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, Abd. Shukor Mohd. Ali dll 1992, *Kecemerlangan Tamadun Islam*, , Sarawak : Institut Teknologi MARA
- Wan Abdullah Wan Mahmood 1991, *Sejarah Tamadun Islam*, Shah Alam : BIROTEKS, Institut Teknologi MARA.
- Amir A. Rahman 1990, *Pengantar Tamadun Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Musthafa As Siba'iy penterjemah : Zaid Husein Alhamid 1985, *Sumbangan Islam Kepada Peradaban Dunia*, Surabaya : Mutiara Ilmu.

Azizan Baharudin 1986, *Pengenalan Tamadun Islam di Andalus*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmood Mohd Taib An Najmi 1971, *Sejarah Tamadun Islam*, Kelantan : Pustaka Aman Press

Syed Muhammad Naquib al Attas 1990, *Islam dalam sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Petaling Jaya : ABIM

Abul A'la al-Maududi penterjemah Halimuddin SH 1985, *Asas dan Prinsip Peradaban Islam*, Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd.

Sivachandralingam dan Ayadurai 1999, *Tamadun Dunia*, Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Ibn Khaldun 2002, *Mukaddimah Ibn Khaldun*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad 'Uthman el-Muhammady 1976, *Peradaban Dalam Islam*, Kelantan : Pustaka Aman Press.

R.M Savory 1976, *Islamic Civilisation*, London : Cambridge University Press